

**SOALAN NO. 31****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD FASIAH  
BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]

**TARIKH :** 30 NOVEMBER 2017

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mohd Fasiah Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan terkini warga negara yang layak tetapi tidak mendaftar sebagai pemilih dan langkah Kerajaan khususnya Suruhanjaya Pilihan Raya bagi meningkatkan pendaftaran pemilih berkenaan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun dan ke atas yang layak tetapi belum mendaftar sebagai pemilih sehingga 30 Jun 2017 adalah seramai 3,797,785 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menarik lebih ramai warganegara yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih. Ini termasuklah menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran di pusat membeli-belah, pusat rekreasi, kawasan penempatan penduduk, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pusat-pusat latihan yang berkaitan. SPR juga sentiasa terbuka untuk menerima jemputan menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran sekiranya terdapat jemputan bagi penganjuran program-program berkaitan.

Selain itu, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di kaunter pendaftaran pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuaasa Tempatan dan Pejabat Pos serta kaunter-kaunter bergerak SPR seluruh negara.

SPR turut mengadakan pelbagai aktiviti kesedaran dengan lebih berkesan termasuk menggunakan pelbagai saluran media dan juga melalui program turun padang (*outreach*). SPR juga telah mengadakan pendekatan pendaftaran pemilih secara bergerak (*mobile*) dengan menggunakan kenderaan karavan. Dengan adanya kemudahan tersebut, ia membolehkan SPR menjalankan program turun padang dengan lebih agresif dan seterusnya memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendaftar sebagai pemilih.

Sekian, terima kasih.